KOPERASI KIJANG MAS BHD. & YANG LAIN

lwn.

KERAJAAN NEGERI PERAK & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, IPOH
ABDUL MALEK AHMAD H
[SAMAN PEMULA NO. 24-560-90]
19 DISEMBER 1990

UNDANG-UNDANG TANAH: *Orang Asli - Kawasan pengumpulan semula orang asli - Samaada kerja pembalakan bertentangan dengan Akta Orang Asli 1954 - Pewartaan belum disempurnakan - Kanun Tanah Negara 1965, s. 62.*

TAFSIRAN STATUT : *Pentafsiran Statut - Makna "bolehlah" - Akta Orang Asli 1954, s. 6(1).*

Plaintif telah memohon perisytiharan Mahkamah bahawa Rancangan Penempatan Semula (RPS) Orang Asli Sg. Banun adalah kawasan orang asli dan bahawa hanya orang asli yang berhak ke atas keluaran hutan dari kawasan itu. Plaintif juga memohon supaya semua orang, selain dari orang asli dan organisasi orang asli, yang didapati berada di kawasan berkenaan hendaklah ditahan oleh pihak berkuasa sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Orang Asli 1954 (Akta tersebut). Plaintif juga memohon Mahkamah mengisytiharkan bahawa defendan kedua (Pengarah Jabatan Hutan Negeri) tidak berhak membuat tawaran tanah di kawasan berkenaan kepada Syarikat Samudera Budi Sdn. Bhd. (SSB) kerana syarikat tersebut tidak ada hubungan dengan orang asli dan oleh itu SSB tidak berhak menjalankan kerja pembalakan di kawasan berkenaan.

Selain itu plaintif telah juga memfailkan saman dalam kamar, atas perakuan segera, untuk perintah supaya defendan ketiga (SSB) dihalang dari menebang serta mengeluarkan hasil hutan di kawasan itu sementara menunggu keputusan Mahkamah. Pada 19 Julai 1990 perintah telah dikeluarkan oleh Mahkamah atas syarat perakuan gantirugi. Pada 30 Julai 1990 SSB telah memohon mengenepikan perintah itu dan selepas penangguhan perbicaraan, plaintif dan SSB telah bersetuju untuk injunksi berkenaan ditarik balik.

Yang menjadi isu ialah taraf kawasan-kawasan berkenaan iaitu sama ada ianya kawasan orang asli atau tanah kerajaan kerana pewartaan belum lagi disempurnakan sungguhpun kelulusan telah diberi oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri; soal utama ialah sama ada pewartaan perlu untuk mencapai maksud kelulusan dari Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Diputuskan:

[1] Mengikut keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 21 Disember 1988 dan 1 Mei 1984, kedua-dua kawasan berkenaan ada-lah kawasan rizab orang asli dan oleh itu hanya orang asli yang berhak mendapatkan hasil hutan darinya. Yang menjadi masalah ialah bahawa pewartaan mengenai kawasan itu belum lagi disempurnakan oleh pihak berkuasa negeri.

[2] Kecuaian atau kelalaian pihak berkuasa negeri mewartakan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri itu tidak bermakna bahawa keputusan itu tidak boleh dipakai. Tindakan mewartakan itu adalah sesuatu mengikut budibicara dan bukan mandatori kerana istilah yang digunakan ialah "bolehlah". Ketiadaan warta tidak bermakna bahawa Mahkamah tidak boleh menerima keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri itu sebagai keterangan yang tidak

dipertikaikan.

[Permohonan plaintif diluluskan, kecuali untuk soalan mengenai ss. 14, 15 dan 19 yang melibatkan soal budibicara Menteri dan yang Mahkamah tidak dapat menjawab.]

Perundangan yang dirujuk:
Aboriginal Peoples Act 1954, ss. 6, 7, 14, 15, 19(1)(b)
National Land Code 1965, s. 62(1)

Bagi pihak plaintif-plaintif - Titek Sobah; T/n. Asri & Co.
Bagi pihak defendan 1 & 2 - Mohd. Azman bin Husin, Timbalan Penasihat Undang-undang Negeri Perak
Bagi pihak defendan 3 - Ghanashamdas N.T.; T/n. Leong & Khoo

PENGHAKIMAN

Abdul Malek Ahmad H:

Melalui saman pemula ini yang difailkan atas perakuan segera pada 18 Julai 1990, plaintif-plaintif telah memohon jawapan-jawapan kepada soalan-soalan berikut:

(a) sama ada defendan kedua telah melampaui kuasanya dengan membuat tawaran J.H.Ng.Pk.No. 15/89 dan Tawaran P.P.N.Pk.No. 10/90;

(b) sama ada defendan telah melanggar peruntukan-peruntukan yang telah ditetapkan oleh undang-undang dengan membuat tawaran-tawaran seperti di atas:

(c) sama ada Menteri Besar atau mana-mana wakilnya mesti menggunakan budibicaranya di bawah s. 14 dan s. 19(1)(b) Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) apabila mendapati s. 6(2) dan s. 7(2) tidak dipatuhi;

(d) sama ada pesuruhjaya dan mana-mana pegawai polis mesti menjalankan budi-bicara mereka di bawah s. 15 Akta Orang Asli 1954 apabila mendapati terdapat mana-mana orang yang bukan orang asli di bawah Akta Orang Asli 1954 menjalankan aktiviti di kawasan orang asli/rizab orang asli;

(e) sama ada pembalakan yang dijalankan oleh mana-mana badan, organisasi, pertubuhan atau wakil dan ajen-ajen mereka yang bukan dimiliki oleh orang asli adalah menyalahi s. 6(2)(iv) Akta Orang Asli 1954.

Seterusnya, plaintif-plaintif telah memohon seperti berikut:

Jika dan seperti yang perlu, bahawa satu perisytiharan dibuat oleh Mahkamah ini bahawa:

(a) R.P.S. Orang Asli, Sg. Banun, Mukim Temenggor Hulu Perak dan R.P.S. Pos Legap, Bekas Hutan Simpan Korbu, Daerah Kuala Kangsar adalah kawasan orang asli;

(b) hanya orang-orang asli seperti yang dinyatakan di bawah Akta Orang Asli 1954 berhak ke atas keluaran hutan di dalam kawasan-kawasan R.P.S. Orang Asli Sg. Banun, Mukim Temenggor Hulu Perak, R.P.S. Pos Legap, Bekas Hutan Simpan Korbu, Daerah Kuala Kangsar dan lain-lain kawasan orang asli;

(c) mana-mana badan, organisasi, pertubuhan atau wakil dan ajen-ajen mereka mahu-pun orang persendirian selain daripada badan, organisasi, pertubuhan atau wakil dan ajen-ajen milik orang asli ataupun orang asli itu sendiri seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Orang Asli 1954, yang didapati berada di dalam kawasan orang asli/rizab orang asli hendaklah ditahan oleh pihak polis/pesuruhjaya seperti yang diperuntukkan di bawah

s. 15(1) Akta Orang Asli 1954;

(d) defendan kedua tidak mempunyai kuasa untuk membuat Tawaran J.H.Ng.Pk.No. 15/89 Tanah Kerajaan RPS Orang Asli, Sg. Banun, Mukim Temenggor H.Pk. dan Tawaran P.P.N.Pk. No. 10/90 R.P.S. Pos Legap, Bekas Hutan Simpan Korbu, Daerah Kuala Kangsar dan oleh itu tawaran-tawaran tersebut dengan sendirinya batal;

(e) Syarikat Samudera Budi Sdn. Bhd. sebagai sebuah syarikat yang tiada kena mengena dengan orang asli, tidak berhak dan tidak boleh menjalankan kerja-kerja pembalakan di R.P.S. Orang Asli, Sg. Banun Mukim Temenggor Hulu Perak/tidak berhak dan tidak boleh mengeluarkan hasil-hasil hutan di kawasan itu.

Pada tarikh yang sama, plaintif-plaintif juga telah memfailkan saman dalam kamar, juga atas perakuan segera, untuk perintah terhadap defendan ketiga, melalui ajen atau wakilnya atau orang-orang yang bertindak bagi pihaknya disekat/dihalang/ditahan daripada menebang, memusnahkan, mengambil, mengeluarkan hasil-hasil hutan di R.P.S./Orang Asli, Sg. Banun ataupun melakukan apa-apa jua yang menjejaskan kepentingan plaintif keempat sementara menunggu keputusan Mahkamah di dalam kes ini atau perintah selanjutnya oleh Mahkamah ini. Perintah tersebut telah diberi pada 19 Julai 1990 bersyarat kepada perakuan gantirugi. Pada 30 Julai 1990, defendan 3 telah memohon untuk mengenepikan perintah tersebut dan selepas dua penangguhan perbicaraan, plaintif-plaintif dan defendan 3 telah bersetuju untuk injunksi ditarik balik dengan tiada perintah pampasan atau gantirugi serta dengan syarat defendan 3 membayar kos RM1,000 kepada keempat-empat plaintif.

Mengenai saman pemula, tidaklah dipertikaikan dari hujah-hujah pihak plaintif-plaintif, defendan 1 dan defendan 2 bahawa kedua-dua kawasan yang terlibat iaitu kawasan rancangan pengumpulan semula orang asli di Legap dan di Sungai Banun telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 21 Disember 1988 dan 1 Mei 1984 masing-masing. Berdasarkan kepada keputusan-keputusan tersebut, kawasan-kawasan berkenaan telah menjadi kawasan rizab orang asli dan oleh itu hanya orang asli sahaja yang berhak mendapat hasil hutan di kawasan-kawasan ini.

Seterusnya pihak Jabatan Hal Ehwal Orang Asli telah memberitahu plaintif-plaintif mengenai keputusan ini tetapi apabila permohonan kelulusan dibuat kepada defendan 2, untuk mengeluarkan sakibaki kayu balak di kawasan-kawasan berkenaan, tiada jawapan diterima dan sebaliknya plaintif-plaintif telah dapat tahu kemudiannya bahawa tawaran terbuka telah dibuat kepada orang ramai untuk maksud membalak dan mengeluarkan kayu dari kawasan-kawasan yang berkenaan. Berikutan daripada itu, defendan 3 yang bukan syarikat orang asli, telah berjaya mendapat tawaran yang dipelawa berasaskan menawarkan tawaran yang paling tinggi sekali.

Isu tunggal di hadapan Mahkamah ialah taraf kawasan-kawasan berkenaan iaitu sama ada ianya kawasan orang asli atau tanah Kerajaan kerana pewartaan belum lagi disempurnakan sungguhpun kelulusan telah diberi oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Justeru dari itu, soal utama ialah sama ada pewartaan perlu untuk mencapai maksud kelulusan dari Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Seksyen 62(1) Kanun Tanah Negara 1965 menyatakan bahawa pihak berkuasa negeri bolehlah melalui pemberitahuan dalam Warta merizabkan mana-mana tanah kerajaan untuk maksud awam dan s.62(1)(d) berbunyi bahawa pewartaan tersebut hendaklah menjadi keterangan muktamad bahawa tanah yang dikatakan sedemikian telahpun dirizabkan untuk maksud awam. Saya rasa tugas pewartaan dari peruntukan ini diberikan kepada pihak berkuasa negeri dan jika

mereka lalai atau cuai dalam mengambil tindakan mewartakan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, ianya tidak boleh bermakna kelulusan tersebut tidak boleh dipakai lagi. Lagipun, perkataan yang digunakan dalam tindakan mewartakan ialah "bolehlah" yang hanya memberi kuasa budibicara sahaja dan bukan kuasa mandatori. Begitu juga, perkataan "bolehlah" telah digunakan untuk maksud pewartaan oleh Pihak berkuasa Negeri dalam s. 6(1) Akta Orang Asli 1954. Sungguhpun s. 62(1)(d) Kanun Tanah Negara 1965 menyatakan bahawa jika pewartaan dibuat ianya hendaklah diterima sebagai keterangan muktamad tentang maksud perizaban, ini tidak bermakna bahawa tanpa pewartaan itu mahkamah tidak boleh menerima kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri sebagai keterangan yang tidak dipertikaikan tentang perizaban ini.

Memandangkan bahawa plaintif-plaintif bukanlah pada hakikatnya memohon untuk mendapatkan kawasan-kawasan berkenaan tetapi hanya untuk melindungi hak-hak orang asli dan oleh kerana Pihak berkuasa Negeri telah mengambil masa yang agak panjang untuk mewartakan kelulusan-kelulusan berkenaan, saya telah membuat keputusan menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh plaintif-plaintif dan memberi perintah-perintah yang dipohon seperti berikut:

1.(a) ya;
(b) ya;
(c) ss. 14 dan 19 Akta Orang Asli 1954 melibatkan Menteri dan soal budibicara dan oleh itu Mahkamah tidak dapat menjawab soalan tersebut;
(d) s. 15 Akta Orang Asli juga melibatkan budibicara dan bukanlah untuk mahkamah untuk menyatakan bahawa pegawai-pegawai berkenaan mesti menjalankan budibicaranya;
(e) ya.

2.(a) perintah seperti dikehendaki;
(b) perintah seperti dikehendaki untuk dua kawasan yang terlibat;
(c) ini terpulang kepada pihak polis mengikut budibicaranya;
(d) perintah seperti dikehendaki;
(e) perintah seperti dikehendaki.

Tiap-tiap pihak menanggung kos sendiri.

Also found at [1991] 1 CLJ 486